

06/08/2002

Pencalonan untuk Anugerah Media Riben Merah dibuka

KUALA LUMPUR, Isnin - Majlis Aids Malaysia (MAM) kini membuka pencalonan bagi merebut Anugerah Media Riben Merah dan Anugerah Dr Siti Hasmah sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan media massa, individu, badan korporat dan organisasi dalam mendidik masyarakat mengenai HIV/AIDS.

Presidennya, Datin Paduka Marina Mahathir, berkata pemenang Anugerah Media Riben Merah akan menerima trofi yang direka khas Habib Jewel, wang tunai RM2,500 dan sijil penghargaan.

Pemenang Anugerah Dr Siti Hasmah pula akan menerima trofi dan wang tunai RM10,000 untuk organisasi dan RM5,000 untuk individu.

Pada sidang akhbar di sini hari ini, beliau berkata, kedua-dua anugerah itu diadakan dua tahun sekali sejak 1996.

Anugerah Media Riben Merah terbahagi kepada dua, iaitu untuk media cetak dan media elektronik.

Pencalonan itu terbuka untuk rancangan atau artikel yang disiarkan dalam tempoh 1 Jun 2000 hingga 31 Mei 2002 dan tarikh tutup penyertaan ialah pada 6 September ini.

Anugerah Dr Siti Hasmah pula disediakan untuk individu, badan korporat atau organisasi yang memberi sumbangan paling menyerlah dalam menyokong dan melicinkan urusan MAM dan Yayasan Aids. Pencalonan perlu dihantar sebelum 31 Ogos ini.

Borang penyertaan boleh didapati di pejabat MAM atau melalui laman web www.mac.org.my/media/mediaawards2002. Untuk maklumat lanjut hubungi 03-40451033.